

**MARA perlu dinaik taraf, diletak bawah JPM**  
**Malaysiakini.com**  
**May 15, 2010**

Konvensyen Usahawan Melayu 2010 mencadangkan Majlis Amanah Rakyat (MARA), yang merupakan sebuah agensi kerajaan yang membantu dan membimbing Bumiputera menjadi usahawan, dinaik taraf dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Cadangan itu merupakan antara 52 resolusi yang diserahkan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) kepada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin di majlis penutup konvensyen itu di Kuala Lumpur hari ini.

Menurut Presiden DPMM Syed Ali Alattas, ke semua 70 organisasi yang menghadiri sesi konvensyen selama dua hari itu bersetuju agar cadangan memperkasa dan mentransformasi Mara diberi pertimbangan sewajarnya oleh kerajaan dan dilaksanakan.

"Di dalam menghadapi fenomena keusahawanan era Model Baru Ekonomi (MBE), kami berharap semua resolusi ini, termasuk memperkasakan MARA dapat diberi pertimbangan sewajarnya oleh kerajaan," katanya pada majlis penutup Konvensyen itu.

Katanya keperluan menaik taraf MARA itu penting kerana ia merupakan agensi kerajaan yang mempunyai akta-akta tertentu yang menjurus kepada mewujudkan dan menambah usahawan di kalangan Bumiputera bukan sahaja dari segi bantuan kewangan termasuk latihan dan pendidikan di peringkat sekolah dan universiti.

MARA adalah sebuah agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Akta Parlimen sebagai sebuah badan berkanun hasil resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera pertama pada tahun sebelumnya.

Sebanyak 70 organisasi termasuk badan bukan kerajaan seperti Persatuan Kontraktor Melayu, Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Melayu dan Persatuan Remisier Bumiputera Malaysia serta wakil syarikat berkaitan kerajaan, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta menghadiri konvensyen ini.

Antara resolusi yang dicadangkan adalah penubuhan "National Employment Institute" yang diharapkan dapat menghasilkan satu standard yang tinggi dalam bidang perundingan dan kajian serta penubuhan Bank Sosial Islam atau "Qardhul Hassan" dan Bank Model Ekonomi Baru bagi mengatasi masalah Bumiputera dan kaum lain.

- Bernama